



PERTUBUHAN PELINDUNG KHAZANAH ALAM MALAYSIA
ORGANIZATION FOR THE PRESERVATION OF NATURAL HERITAGE MALAYSIA

(Reg. Num. PPM-028-10-24022011)

No 15, Jalan Akuatik 13/77c, D'kayangan, Seksyen 13, 40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel :+6 03-5512 1006 | Fax :+6 03-5511 1669 | Email :hello@pekamalaysia.org | website: www.pekamalaysia.org

7 Jun 2021

No Rujukan : PEKA/gen (003) 2021

YAB Dato' Sri Haji Wan Rosdy Bin Wan Ismail,
Menteri Besar Pahang,
Pejabat Menteri Besar,
Tingkat 2, Blok A, Wisma Sri Pahang,
25503 Kuantan,
Pahang Darul Makmur.

Email : mb@pahang.gov.my

YAB Dato' Sri,

PERKARA : KELULUSAN PERLOMBONGAN BERJARAK 3KM SEKITAR TASIK CHINI SELUAS 40.51 HEKTAR DI LOT 89798 MUKIM PENYOR, PEKAN PAHANG.

Adalah dimaklumkan perkara di atas.

2. Kami Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam (PEKA) Malaysia membantah dengan sekeras-keras kelulusan yang telah diberikan kepada Syarikat Perlombongan yang berkaitan kerabat diraja di Lot 89798 Mukim Penyor, Pekan yang seluas 40.51 hektar bersamaan kita-kita 60 padang bola hanya berjarak 3km dari Tasik Chini.
3. Tasik Chini yang dikategorikan sebagai KAWASAN SENSITIF ALAM SEKITAR (KSAS) juga telah dirizabkan sebagai Tapak Rizab Biosfera UNESCO yang beberapa tahun kebelakangan ini bergelut dengan masalah pencemaran perlombongan dan pembalakan yang SEDIA ADA.
4. Pembalakan hutan dan perlombongan yang masih berjalan hingga hari ini dikawasan berhampiran Tasik Chini telah mengakibatkan Buffer zone yang semakin tipis.
5. Pengurusan tasik yang tidak memenuhi standard sedia ada telah mendatangkan beberapa keburukan kepada tasik dan kawasan bersekitarannya. Diantara masalah yang telah timbul akibat daripada pencemaran alam sekitar dikawasan ini adalah:
 - a. Kualiti air tasik yang semakin buruk.
 - b. Kehidupan marin dalam air juga bertambah kurang.
 - c. Gangguan ekologi setempat.
 - d. Kepupusan biodiversiti setempat.
 - e. Gangguan hidrologi setempat dan
 - f. Suasana tasik yang tidak lagi mempunyai nilai estetika.



PERTUBUHAN PELINDUNG KHAZANAH ALAM MALAYSIA

ORGANIZATION FOR THE PRESERVATION OF NATURAL HERITAGE MALAYSIA

(Reg. Num. PPM-028-10-24022011)

No 15, Jalan Akuatik 13/77c, D'kayangan, Seksyen 13, 40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel :+6 03-5512 1006 | Fax :+6 03-5511 1669 | Email :hello@pekamalaysia.org | website: www.pekamalaysia.org

6. Kami PEKA Malaysia berpendapat pencemaran dan gangguan ekologi hidrologi yang sedang berlaku sekarang boleh membawa kepada bencana alam. Sebagai contoh, pencemaran kawasan tinggi sekitar tasik boleh menyebabkan banjir apabila hujan turun dengan lebat seperti yang dilaporkan tahun sebelum ini. Bencana alam seperti tanah runtuh boleh berlaku apabila kawasan tanah tinggi telah digondolkan bagi tujuan pembalakan dan seterusnya perlombongan.
7. Perlombongan Ini walaupun berjarak 3km dari Tasik Chini namun demikian tetap akan menyumbang kepada ketidak keseimbangan alam sekitar setempat. Sebelum sebarang perlombongan dimulakan, pokok-pokok hutan akan ditebang yang sekaligus akan mengakibatkan perlepasan karbon dioksida secara mendadak. Kandungan gas oksigen juga akan terganggu.
8. Keberkesanan tumbuhan dalam mengawal hakisan tanah bergantung kepada ketinggian dan kesinambungan kanopi pokok, kepadatan tumbuhan dan pertumbuhan akar. Selain itu, suhu rendah kurang dari 27°C akan meningkatkan kelembapan tanah dan menghalang proses tiupan angin terutamanya di lereng yang tidak dilitupi dengan tumbuhan dan ini akan mengurangkan risiko hakisan yang disebabkan oleh angin alam sekitar Tasik Chini telah menjelaskan perkembangan hutan sekeliling yang amat diperlukan bagi kelestarian alam semulajadi setempat.
9. Apatah lagi setelah aktiviti perlombongan telah bermula, akan berlaku BANJIR LUMPUR dan pencemaran bahan kimia atau radioaktif yang berkaitan dengan perlombongan dikhuatiri akan memasuki anak-anak sungai juga kualiti tanah. Ini termasuk juga kemusnahan habitat hidupan liar.
10. Pencemaran alam sekitar yang berlaku juga telah menyebabkan kedatangan pengunjung ke Tasik Chini ini semakin berkurangan. Ini terbukti jumlah pelancong amat berkurangan sejak kebelakangan ini dan kebanyakan pelancong mereka tidak bermalam disitu pada waktu cuti sekolah yang panjang atau cuti-cutি perayaan.
11. Tasik Chini sudah kehilangan nilai pelancongannya kerana banyak tempat menarik dan sekelilingnya telah tercemar. Ini terbukti apabila kita memerlukan tidak lebih dari satu jam sahaja untuk mengelilingi tasik. Pulau-pulau yang cantik di tasik itu juga telah tercemar dengan tumbuhan yang akan merosakkan tumbuhan asal tasik ini.
12. Kemudahan yang ada dipusat penyelidikan UKM hendaklah dimanfaatkan sebaik mungkin bagi membolehkan kerja-kerja pemeliharaan tasik dan sebagainya.



PERTUBUHAN PELINDUNG KHAZANAH ALAM MALAYSIA

ORGANIZATION FOR THE PRESERVATION OF NATURAL HERITAGE MALAYSIA

(Reg. Num. PPM-028-10-24022011)

No 15, Jalan Akuatik 13/77c, D'kayangan, Seksyen 13, 40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel :+6 03-5512 1006 | Fax :+6 03-5511 1669 | Email :hello@pekamalaysia.org | website: www.pekamalaysia.org

Pada tahun 2020, YAB Dato' Sri telah mengumumkan Kerajaan Pahang telah mewartakan Tasik Chini sebagai Taman Negeri untuk memulihkan Tasik Chini serta MORATORIUM terhadap pemberian konsesi baru pembalakan dan perlombongan di situ.

Dan pada tahun 2019, Kerajaan Pahang juga telah mewartakan Tasik Chini dan kawasan sekitarnya sebagai HUTAN SIMPAN KEKAL (HSK).

YAB Dato' Sri,

Bagaimanapun ia nampaknya tidak menghentikan kegiatan perlombongan baru. Malah kelulusan ini ianya berada dalam Kawasan Sensitif Alam Sekitar 2.

Di mana dalam kategori ini boleh dibangunkan dengan syarat-syarat tertentu TETAPI KEGIATAN PERLOMBONGAN ADALAH DI LARANG. Bagaimanapun, Kerajaan Pahang telah memberi pengecualian kepada projek perlombongan ini yang dipercayai dimiliki oleh Syarikat Kerabat Diraja.

YAB Dato' Sri, di dalam dokumen EIA turut menyatakan Kerajaan Pahang MENGGANTIKAN RANCANGAN KHAS TASIK CHINI DAN MELULUSKAN TAPAK PROJEK UNTUK KEGIATAN MELOMBONG.

Ini amat mengecewakan di mana sepatutnya HSK ini dibangunkan sebagai LOKASI EKO-PELANCONGAN ATAU AGRO-PELANCONGAN ATAU LAGENDA-PELANCONGAN dalam masa yang sama kestabilan Eko-Sistem dan Hutan Tadahan Air dikekalkan.

YAB Dato' Sri,

Kesimpulan mengapa Tasik Chini HARUS dipelihara dari terus dimanipulasikan terus menerus dari sebarang aktiviti kerja-kerja membalak dan melombong dihentikan dengan KADAR YANG SEGERA bagi memastikan :

- a. Perkampungan orang Asli dikawasan ini hendaklah dibantu bagi membolehkan mereka hidup dengan lebih selesa dan menjadi sebahagian daripada tarikan pelancongan di tasik ini. Orang Asli masih lagi bergantung kepada Tasik Chini sebagai Nelayan Darat sebagai punca pendapatan.
- b. Pulau-pulau yang ada di kawasan tasik hendaklah dinaikkan taraf supaya ianya boleh dilawati untuk berbagai kegiatan. Kemudahan jeti dan sebagainya hendaklah dinaik taraf.
- c. Kerajaan Negeri dan agensi-agensi berkenaan tidak boleh lagi alpa terhadap pemuliharaan tasik ini dan usaha-usaha perlu ditingkatkan untuk menjadikan Tasik Chini, tasik KEDUA besarnya di Semenanjung, jadikan satu tarikan pelancong yang lebih hebat dari dahulu dengan kisah Lagenda Naga Putih dan spesis Bunga Teratai yang subur dan melata.
- d. Kekalkan identiti Tasik Chini sebagai Tapak Rizab Biosfera UNESCO yang bertaraf antarabangsa.



PERTUBUHAN PELINDUNG KHAZANAH ALAM MALAYSIA
ORGANIZATION FOR THE PRESERVATION OF NATURAL HERITAGE MALAYSIA

(Reg. Num. PPM-028-10-24022011)

No 15, Jalan Akuatik 13/77c, D'kayangan, Seksyen 13, 40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel :+6 03-5512 1006 | Fax :+6 03-5511 1669 | Email :hello@pekamalaysia.org | website: www.pekamalaysia.org

YAB Dato' Sri,

PEKA Malaysia memohon dengan kuasa penuh di tangan YAB Dato' Sri, agar kelulusan ini DIBATALKAN.

Tiada keuntungan kepada kerajaan dan rakyat, malah bila berlaku bencana alam pada setiap monsun hujung tahun, Kerajaan Pahang akan menanggung kerugian dan mengeluarkan perbelanjaan lebih banyak untuk membaiki infrastruktur yang rosak juga bantuan ihsan kepada rakyat yang terkesan kehilangan tempat tinggal dan nyawa.

Sekian. Terima Kasih.

Yang Benar,

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Shariffa Sabrina Binti Syed Akil".

**PPj. Bersekutu (PA) Puan Sri To' Puan Datuk Proff. Dr. Shariffa Sabrina Binti Syed Akil
Presiden PEKA Malaysia**

s.k

1. Menteri Kementerian Tenaga Dan Sumber Asli
shamsul.anuar@ketsa.gov.my

2. Menteri Kementerian Alam Sekitar Dan Air
ibrahim@kasa.gov.my

3. Penggerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan, Alam Sekitar, Perladangan Dan Komoditi Negeri Pahang.
msharkar@pahang.gov.my
dmsharkar@gmail.com

4. Ketua Pengarah
Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia
ridza@forestry.gov.my



PERTUBUHAN PELINDUNG KHAZANAH ALAM MALAYSIA
ORGANIZATION FOR THE PRESERVATION OF NATURAL HERITAGE MALAYSIA

(Reg. Num. PPM-028-10-24022011)

No 15, Jalan Akuatik 13/77c, D'kayangan, Seksyen 13, 40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel :+6 03-5512 1006 | Fax :+6 03-5511 1669 | Email :hello@pekamalaysia.org | website: www.pekamalaysia.org

5. Ketua Pengarah

Jabatan Perlindungan Hidupan Liar Dan Taman Negara (PERHILITAN) Semenanjung
Malaysia

kadir@wildlife.gov.my

6. Pengarah

Jabatan Perhutanan Negeri Pahang

hizamri@forestry.gov.my

7. Pengarah

Jabatan Perlindungan Hidupan Liar Dan Taman Negara Pahang

rozidan@wildlife.gov.my